

25/06/2002

Bapa anggap masa paling sesuai: Mokhzani

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil keputusan meletak jawatan dalam politik dan kerajaan kerana menyedari Umno sudah kukuh dan sokongan rakyat kepada kerajaan kembali mantap, kata anaknya, Datuk Mokhzani.

Alasan itu diberitahu Perdana Menteri kepada isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta dua anaknya, Mirzan dan Mokhzani dalam satu pertemuan di sebuah bilik khas di Bilik Perdana Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) beberapa minit selepas Dr Mahathir membuat pengumuman mengejut itu Sabtu lalu.

Mokhzani memberitahu Berita Harian hari ini, ayahnya menyatakan bahawa sekarang adalah masa paling sesuai untuk beliau bersara selepas menilai keadaan politik semasa itu.

"Untuk kira-kira 30 minit di dalam bilik itu, ayah tetap bertegas dengan keputusan mahu letak jawatan dan menjelaskan sebab-sebabnya. Ayah kata keputusannya itu tidak ada kena mengena dengan kesalahan orang lain.

"Dia kata parti Umno semua OK, sokongan orang ramai dah OK. Pada bapa, inilah masa paling sesuai untuk mengundur diri, bukan kerana kesalahan orang lain. Kami semua setuju dengan keputusan itu," katanya.

(END)